

TUNTUTAN DRAMA ISLAMIK PATUH SYARIAH: MOTIF VISUAL MIOR HASHIM MANAP MELALUI BUSANA DAN SOLEKAN

(The Requirement of Shariah Compliant Drama: Visual Motive of Mior Hashim Manap Through Costume and Make-up)

WAWARAH SAIDPUDIN

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang,
Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan untuk memfokuskan motif visual Mior Hashim Manap dari segi elemen busana dan solekan yang mematuhi tuntutan syarak dalam menghasilkan drama Islamik patuh syariah. Kaedah analisis kandungan digunakan terhadap ketiga-tiga drama Islamik arahan Mior Hashim Manap yang disiarkan di TV Al-Hijrah bertajuk Cinta Kun Fayakun, Warkah Cinta dan Cinta dan Wahyu. Mior Hashim Manap, kru drama, pelakon dan ahli akademik turut di temu bual secara mendalam bagi membincangkan isu ini dan didapati Mior Hashim Manap berusaha untuk memenuhi tuntutan syarak dari segi busana dan solekan walaupun pelbagai cabaran yang di hadapi terutama makna dalaman pengarah yang berbeza daripada kru drama. Kesimpulannya untuk menghasilkan drama Islamik patuh syariah, busana dan solekan adalah salah satu elemen fizikal yang perlu dititik beratkan oleh pengarah dan kru drama selain daripada mesej dan jalan cerita dakwah yang mematuhi syarak. Tuntutan ini boleh direalisasikan sekiranya terdapat kerjasama dari pihak agamawan dan pengkarya seni dalam menerjemahkan mesej dakwah melalui drama seiring dengan motif dalaman pengarah yang bersandar kepada tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT.

Kata kunci: Pakaian; tatarias; drama Islamik; patuh syariah; pengkarya seni; menutup aurat

ABSTRACT

This article aims to focus Mior Hashim Manap's visual motif in terms of fashion and make-up elements which adhere to syara' in producing syariah-compliant drama. This article uses the content analysis method of the three Islamic dramas by Mior Hashim Manap's entitled Cinta Kun Fayakun, Warkah Cinta and Cinta dan Wahyu aired on TV AL-Hijrah. The article also interviewed Mior Hashim Manap, crews, actors and academics to discuss this issue and finds that Mior Hashim Manap strives to fulfill the Islamic lawsuit in terms of fashion and makeup despite the many challenges faced, especially the internal meaning of the director who is different from the crew. As conclusion to produce syariah-compliant Islamic drama, fashion and makeup are the physical elements which must be solicitously focused by the director and the crew other than the message and narrative of the da'wah. This obligation can be realized if there is cooperation from the religious parties and artists in translating da'wah messages through drama in line with the internal motives of the director relying on the responsibility of being a servant of Allah SWT.

Keywords: *Clothes; make-up; Islamic drama; syariah-compliant; artists; cover aurat*

PENGENALAN

Hamzah (1996) menjelaskan drama Melayu pada peringkat permulaan kewujudannya terkenal dengan istilah wayang kulit dan Mana Sikana (2006) turut menjelaskan bahawa ia merupakan drama tradisional Melayu yang pertama dan tertua yang kemudiannya diikuti dengan permainan Mak Yong yang menggunakan manusia sebagai watak utama. Kedatangan penjajah barat telah merubah dunia drama Melayu dengan wujudnya persembahan bangsawan yang berasal daripada wayang Parsi.

Saparman (1982) menjelaskan bahawa drama adalah lakonan daripada sebuah skrip yang dilakonan di khalayak ramai, manakala Hamzah (1996) pula memberi petakrifan drama sebagai suatu aksi yang dilakonan di hadapan penonton melalui media persuratan dan elektronik untuk menyampaikan sebuah cerita termasuklah dialog, nyanyian, tarian dan lakonan. Drama yang ditulis itu mempunyai tujuannya, perlu dibangunkan unsur kemanusiaan di dalamnya, mempunyai hubungan yang dekat dengan norma sosial penonton dan bentuknya dipengaruhi oleh zaman semasa (Widjanjati 2017; Mana Sikana 1985).

Drama juga berasaskan suatu peristiwa yang diolah daripada keadaan realiti ataupun hanya khayalan penulis semata-mata. Mana Sikana (2006) dan Said Halim (1988) turut menjelaskan bahawa drama merupakan lanjutan daripada skrip yang

telah dihasilkan iaitu terjemahan teks ke pentas, kreativiti pengarah, sistem lakonan, kostum, rias, cahaya, muzik, skrip, watak, babak, pelakon, lokasi, skrip kamera, rakaman, suntingan, grafik dan dabling. Drama televisyen terbahagi kepada beberapa bahagian seperti yang dijelaskan oleh Schreiber (2006) antaranya adalah telefilem (penerbitan bajet rendah dan jadual penggambaran yang pendek), drama televisyen bersiri (menggunakan satu kamera dan bersambung secara mingguan), sitkom (*situations comedian* yang berepisod dan setengah jam penayangan) dan *soap operas* (penayangan yang lebih dari 30 minit dan dimainkan setiap hari).

Seseorang pengarah drama pula mempunyai kawalan sepenuhnya untuk menentukan motif elemen visual yang dikehendaki termasuklah pemilihan syot, kesan cahaya, komposisi dalam *frame*, pergerakan kamera, busana, solekan dan juga reka bentuk set penggambaran yang menyampaikan makna tertentu. Bagi drama Islamik, motif elemen-elemen ini perlu mematuhi syariah Islam dan elemen patuh syariah ini (Rosmawati & Azimah 2016) wajar diangkat dalam drama yang berbentuk keagamaan yang selari dengan mesej penyampaian dakwah tersebut.

Siti Rugayah (2000) telah menggariskan beberapa ciri dakwah dan patuh syariah yang perlu ada dalam sesebuah drama Islamik antaranya adalah kewajipan menutup aurat. Kajian Hajar Opir et al. (2017), telah membina lapan kriteria filem patuh syariah dan salah satunya adalah pakaian yang berpandukan syarak Islam merangkumi busana umum, busana lelaki dan busana wanita serta solekan yang tidak berlebihan. Nor Hizwani et al. (2015) dalam analisis kandungannya terhadap drama Matahari Terbit menemui setiap watak mematuhi etika pakaian yang dibenarkan oleh syariat Islam dan ia adalah tanggungjawab pengarah untuk memastikan tidak wujud sebarang aksi yang ditegah oleh syarak.

Drama Islamik adalah instrumen dakwah untuk membina insan yang soleh dengan memaparkan mesej penceritaan dari segi nilai yang baik yang tercakup di dalamnya unsur *al-Bir* (kebajikan) dan *at-Taqwa* (Aminudin et al. 2009). Menurut Siti Rugayah et al. (2012), drama dakwah adalah sebuah drama yang bertujuan untuk menyebarkan mesej dakwah mengenai didikan dan nilai Islam yang indah. Apabila tujuannya ingin menyampaikan dakwah, ia perlu disampaikan dengan cara yang betul dan mematuhi syariah Islam kerana dakwah bertujuan untuk menyelamatkan manusia daripada kemungkaran. Ahmad Shahrom et al. (2015) menunjukkan mesej dakwah merangkumi aspek aqidah, syariah dan akhlak merangkumi aspek kreativiti yang disiarkan di dalam rancangan.

Tujuan drama Islamik yang mematuhi syariah ini ialah bagi melindungi etika dan adab Islam melalui keseluruhan proses penghasilan drama dari mana-mana pencemaran. Karya drama Islamik bukan sekadar menggambarkan keindahan tetapi

juga memberi nilai takwa (Abdul Basit et al. 2017). Allah SWT telah menjadikan syariah ini terbina berdasarkan hikmah-hikmah dan justifikasi yang tercapai oleh akal manusia walaupun berbeza bangsa dan adat (Jasser Auda 2014). Firman Allah SWT (al-Jathiyah 45:18) yang bermaksud:

Kemudian Kami jadikan kamu (Muhammad) berada di atas suatu syariat (peraturan) dari urusan (agama) itu; maka ikutilah syariat itu dan janganlah kamu ikuti hawa nafsu orang-orang yang tidak mengetahui.

Patuh syariah dalam drama Islamik adalah bertujuan untuk menghasilkan drama yang dapat menggambarkan hukum hakam Islam yang sebenar. Marina Munira et al. (2011) menjelaskan, ia meliputi kandungan drama yang mampu memperkukuhkan pembentukan aqidah, akhlak dan sahsiah seorang muslim. Mohamad Sabri (2009) menyatakan drama juga mempunyai pengaruh yang cukup besar terhadap pembentukan pemikiran penonton di samping mematuhi perintah yang ditetapkan oleh Allah SWT. Patuh syariah dalam drama Islamik ini juga adalah bersumberkan al-Quran yang menyediakan informasi asas yang serasi dengan fitrah kemanusiaan (Mohd Safar 2009) dan penjelasnya ialah sunnah Rasulullah SAW (al-Jauzi 2010).

Maka, makalah ini melihat motif visual yang dipersembahkan oleh Mior Hashim Manap melalui busana dan solekan yang diselarikan dengan ciri dakwah dan patuh syariah dalam drama islamik seperti yang digariskan oleh Siti Rugayah Tibek (2000).

METODOLOGI

Dua kaedah digunakan iaitu analisis kandungan kualitatif dan temu bual mendalam. Kaedah analisis kandungan kualitatif ini digunakan untuk mengkaji makna di sebalik teknik penerbitan drama dan sejauh mana drama tersebut mematuhi syariah dan menyampaikan dakwah melalui motif visual busana dan solekan. Busana dan solekan setiap pelakon juga dianalisis untuk melihat sejauh mana ia menutup aurat dan juga bersesuaian dengan babak lakonan (N.M.A Quraishi 2003).

Kaedah temu bual mendalam pula digunakan untuk mengetahui dengan lebih mendalam motif utama pengarah drama iaitu Mior Hashim Manap yang menghasilkan drama Islamik terutama melalui visual busana dan solekan pelakon yang dipaparkan. Selain daripada Mior Hashim Manap, pengkaji juga menemu bual beberapa krew yang terlibat dalam drama-drama ini seperti penulis skrip, pereka seni, penolong pengarah dan juga Pelakon serta ahli akademik dari bidang syariah dan komunikasi turut di temu bual sebagai sokongan dan maklumat tambahan untuk saling menguatkan data yang diperolehi daripada analisis kandungan drama dan temu bual mendalam bersama Mior Hashim Manap.

HASIL KAJIAN

Hasil analisis kandungan dan temu bual mendalam mendapati bahawa busana yang ditetapkan oleh pengarah mempunyai ciri patuh syariah Islam dan menyampaikan dakwah kepada penonton apabila pakaian yang digunakan oleh pelakon wanita adalah menutup aurat seperti baju kurung, blouse yang labuh, jubah, tudung dan juga purdah. Manakala bagi pelakon lelaki, pakaian mereka pula tertumpu pada kesesuaian watak misalnya kemeja, songkok dan baju kot apabila ke pejabat, manakala jubah, baju Melayu atau serban jika babak di masjid dan kemeja-T ataupun kain pelekat bila di rumah. Solekan untuk semua pelakon juga adalah solekan yang tidak berlebihan (natural dan naked).

Busana dan Solekan dalam Drama Cinta Kun Fayakun

Berdasarkan Gambar 1 dan 2, watak utama yang dilakonkan oleh pelakon wanita dilihat memelihara aurat mereka mengikut kepada syariat Islam dengan memakai pakaian seperti baju kurung, jubah, atau kemeja lengan panjang dan labuh serta tudung sama ada di dalam rumah atau di luar rumah. Bagi watak sampingan seperti pelajar Mesir, wanitanya dilihat memakai tudung labuh dan purdah seperti babak mereka turun dari bas. Pelakon utama wanita juga dilihat memakai sarung tangan untuk memelihara aurat tangan mereka dari terdedah. Solekan untuk watak wanita juga dilihat tidak keterlaluan dan berlebih-lebihan.



GAMBAR 1 Busana yang dipakai oleh pelakon wanita dan lelaki



GAMBAR 2 Busana yang dipakai oleh pelakon wanita dan lelaki

Manakala bagi watak utama lelaki iaitu Rahman, busananya cenderung kepada pemakaian baju Melayu, kopiah dan serban ketika di Mesir. Mior ingin menunjukkan peribadi Rahman yang masih kekal dengan jati diri Melayu walaupun bermusafir di negara orang. Selain itu, pemakaian untuk di pejabat, misalnya Dato' Borhan yang merupakan seorang usahawan perniagaan akan memakai serban, kot dan kemeja sebagai urusan rasmi.

Penjelasan tentang pemakaian busana ini disokong melalui temu bual mendalam bersama Yu Che Boon yang turut menjadi Ketua Bahagian Seni berkongsi mengenai solekan dan busana yang telah ditetapkan oleh Mior sama ada pelakon lelaki atau wanita. Antara cara Mior menetapkan busana adalah mengikut kepada kesesuaian babak tetapi masih mengekalkan imej Islamik itu sendiri melalui busana dan solekan yang *natural*.

Saya dah berbincang dengan Mior, sama ada lelaki atau wanita, bahasa kita orang kita akan kata *naked makeup*. Jadi maksud dia lebih natural. Kalau busana contohnya watak ayah Heliza, perwatakan dia memang nampak islamik, tapi En Mior tak nak nampak sangat dia Islamik. Contohnya bila Islamik je kena pakai jubah, serban. Kita cuba ikut kesesuaian dengan tempat dan kesesuaian dengan babak. Tapi ciri-ciri Islamik ini tetap kita kekalkan (Yu Chee Boon 3 Disember 2014).

Berkongsi sedikit cabaran, pada mulanya penata busana yang ditugaskan, tidak memahami konsep Islamik yang ingin dibawa oleh Mior namun Mior menjelaskan kepada penata busana agar memastikan busana dan solekan yang dipakaikan kepada pelakon mematuhi hukum agama kerana ia adalah salah satu cara berdakwah. Berkaitan dengan pilihan warna pakaian wanita pula, Mior memastikan warna pakaian yang

dipakai itu perlu mengikut emosi watak untuk sesebuah babak. Namun, beliau mengakui terdapat beberapa warna pakaian yang dirasakan tidak bersesuaian yang beliau terlepas pandang akibat mengejar masa untuk menyempurnakan penggambaran.

Saya tak cakup patuh syariah tapi hah yela pada aurat, bukan sahaja warna sahaja tapi bentuk juga. Sebab busana ini bukan dari pada kalangan agama, pada peringkat awal memang dia suruh pakai yang tu saya tegur, seorang agamawan kalau kita melihat dari sudut hukum agama, tak kena warna ni untuk watak ni, bila kita pakai warna-warni sebenarnya dah dia cuba memikat orang untuk memikat dia. Itu dah lari dari tujuan asal berdakwah dan patuh syariah. Pada mulanya dia letak warna begini, ini kamu nak gambarkan dia fesyen atau tutup aurat. Pada mulanya dia cakup apa pengarah ni? Saya kata itu hukum, kalau kita tengok cerita Iran, perempuan dia takde pakai warna begini, hitam, gelap, bertudung semua.

Saya katakan cerita ini kita nak berdakwah, selepas kamu pastikan hukumnya, kamu fikirkan pula dengan keadaan dia muram apa warna yang sebaiknya dia pakai, kalau latar belakang cerah apa yang sesuai. Ada dua tiga babak yang saya tak berkenan busananya, tapi itulah dia halangan kepada seorang pengarah, sebab bila kita di set sebabnya *constraintnya time*, jadi kadang-kadang tu yang terlepas pandang (Mior Hashim Manap 1 Disember 2014).

Perkara ini disokong melalui satu babak yang memperlihatkan seorang pelakon tambahan iaitu pegawai bank yang masih memakai tudung tetapi tudungnya agak singkat dan tidak dilabuhkan ke bawah dada seperti yang disarankan oleh Islam. Begitu juga dengan babak yang melibatkan Fatimah dan neneknya yang sedang memasak, neneknya masih memakai tudung dan baju kurung di rumah cuma sewaktu dia mengacau masakannya di dalam kualiti, baju lengannya tersingkap dan menampakkan aurat di bahagian lengannya.

Berdasarkan cabaran tersebut, Dr. Mohd Mustaffa Jusoh, pensyarah daripada bidang syariah memberi pandangan bahawa untuk memastikan syariah dipatuhi dalam drama secara mutlak dalam realiti kini, mungkin agak sukar tetapi pengarah perlu belajar daripada kesilapan dan memulakan langkah dari awal supaya ia bertambah baik dari semasa ke semasa hingga ke tahap yang sebaiknya.

Sebaik-baik guru adalah pengalaman, jadi benda tu nanti difikirkan apa penambahbaikan. Kita tak boleh nak ubah 100% dalam sekelip mata tapi ada tak penambahbaikan kalau kiranya kita lihat dan tak rasa satu kesalahan, maknanya tak adalah penambahbaikan itu (Mohd Mustaffa Jusoh 23 Disember 2014).

Busana dan Solekan dalam drama Warkah Cinta

Busana bagi watak lelaki adalah dengan memakai jubah, serban, baju Melayu dan kopiah. Contohnya, Gambar 3 menunjukkan pakaian yang dikenakan oleh Amir, Rahim dan Zaki ketika di sekolah agama kebanyakannya adalah berjubah dan berserban, manakala apabila melanjutkan pelajaran di Universiti Al-Azhar, Amir, Izudin dan Rozmi memakai pakaian formal untuk pelajar Universiti Al-Azhar seperti baju Melayu, baju Raihan dan kopiah. Tetapi, apabila Amir menghidap penyakit tumor otak dan mengakibatkan rambutnya gugur, Amir dipakaikan serban untuk menutupi kepalanya seperti pada episod akhir.

Bagi pakaian watak wanita, gambar 4 menunjukkan suasana pelajar ketika di sekolah memakai baju kurung sekolah dan tudung labuh sebagaimana dalam episod 2 hingga 6. Ketika watak Wardah dan Tasnim melanjutkan pelajaran di Universiti



GAMBAR 3 Busana yang dipakai oleh pelajar lelaki (ep. 4)



GAMBAR 4 Busana yang dipakai oleh pelajar wanita (ep. 4)

Malaya pula iaitu bermula pada episod 7, mereka turut memakai tudung labuh dan berbaju kurung. Semasa Wardah di kampung pula kebanyakan babak, dia memakai baju Muslimah yang labuh. Contohnya babak Wardah menolong ibunya mencanting batik di kilang batik ataupun ketika dia meluangkan masa berjalan di tepi pantai.

Berdasarkan pemilihan busana dan solekan untuk drama *Warkah Cinta*, Mior menjelaskan beliau mengikut peralihan bagi perkembangan sesebuah watak tersebut. Namun pemilihan masih lagi berpaksikan kepada pakaian yang menutup aurat terutama wanita. Hal ini dilakukan supaya penonton dapat menerima logik perubahan tersebut agar ianya mengikut kesesuaian babak.

Kalau dari segi perempuan, dari zaman sekolah dia pakai baju kurung kalau dah masuk kerja dia nak kena pakai untuk tunjuk moden nak kena buang ke? Kalau peringkat saya, saya nak pakai jubah, tapi ada yang cakap En Mior, nak jubah je ke? Saya bertanya ustaz dia cakap tidak apa asalkan tutup aurat (Mior Hashim Manap 1 Disember 2014).

Bagi watak tambahan seperti pekerja di kilang mencanting batik pula, Mior memastikan semua watak tersebut memakai tudung dan baju yang menutup aurat. Manakala watak tambahan bagi kebanyakan pelajar wanita yang belajar di Universiti Al-Azhar, mereka memakai tudung labuh dan ada yang berpurdah seperti yang terdapat pada episod 10 hingga 12. Namun terdapat satu babak pada episod 5, ketika Amir melanggar Balqis, Amir telah meminta bantuan daripada seorang peniaga makanan wanita di tepi jalan untuk membantu mereka. Peniaga tersebut memakai apron, baju kemeja lengan panjang dan seluar. Ketika peniaga tersebut membantu Balqis, baju dilengannya tersingkap sehingga menampakkan aurat tangannya.

Pemakaian watak Balqis pula digambarkan dengan memakai purdah yang diubah suai daripada selendang yang dipakainya. Mior juga bijak bermain dengan *trick*



GAMBAR 5 *Extreme Close Up* Mata Balqis (ep. 12)

camera untuk membuatkan penonton tertanya-tanya wajah sebenar Balqis seperti yang ditunjukkan pada Gambar 5 dan hanya pada episod akhir baharu ditunjukkan wajah sebenar Balqis. Sebelum itu, ketika di biliknya, Mior hanya bermain dengan *back syot* Balqis dan *extreme close up* mata dan *close up* bibir yang dikaburkan seperti dalam episod 1, 10 dan 12.

Busana yang ditetapkan oleh Mior perlu dipatuhi oleh kru dan Yu Chee Boon (2014) menyokong busana untuk watak disesuaikan dengan peralihan setiap babak tersebut dan juga berdasarkan kepada emosi yang dibawakan oleh watak.

Watak Amir, memang dia nampak comel jadi saya kena nampakkan dia macam budak. Warna dia pun seperti hijau, putih, warna alam sekitar. Bila dia *grad* dari Maahad Tahfiz saya pilihkan warna garang seperti merah, biru gelap. Kalau watak Heliza pula saya pilih warna ceria untuk di hadapan cerita, jadi di penghujung cerita, bila dia berkahwin dengan Syamsul, jadi dah masuk *mood* sedih jadi saya pilih warna gelap. Kalau watak Balqis, memang dia berpurdah. Cuma untuk babak dia buka purdah tu En Mior nak *last* minit masa tu juga. Sebab sebenarnya saya pun tak tahu kenapa (Yu Chee Boon 3 Disember 2014).

Bagi Mior, ideanya agar purdah Balqis dibuka pada episod akhir adalah untuk menerangkan purdah itu adalah suatu pilihan dan ia bukannya sesuatu yang wajib. Ia juga adalah cara untuk wanita Muslim yang ingin menyembunyikan keindahan dan kecantikan wajahnya daripada lelaki asing.

Secara tak langsung dalam agama juga tak semestinya perlu berpurdah. Boleh, untuk tak berpurdah dan ada tempat-tempatnya dan boleh berpurdah ada tempat-tempatnya. Itu dari segi hukum. Saya ingin menampilkan keinginan misteri kenapa ye wajah dia ini. Orang tertanya-tanya untuk melihat sehingga *last* sekali baru dia bukak. Orang pun cakap cantiknya wajah dia ini. Dari segi hukum kita nak gambarkan Islam lebih. Berpurdah atau tidak asalkan batas aurat terjaga. Kalau dari segi drama pula saya nak nampakkan tidak kah ini satu keindahan, kalau saya pakai macamni ish, tak cantiknya tak seksi la, sesetengah perempuan yang dah berfikir barat atau sekular. Walhal kalau dia pakai tudung lagi manis. Itu indahny agama. Yang misteri ini tak semua dapat. Yang dilihat kalau berpakaian begini tak cantiknya. Kalau pemikiran dari Barat mata biasa begini, kalau perempuan rambut basah menarik semua tu pandangan Barat. Kalau pandangan Islam kita dah rosakkan diri dia dan watak tu kan. Kerana itu Islam tu disembunyikan keindahannya. Itulah keindahan wanita Islam, kalau dah terdedah semua apa yang menariknya (Mior Hashim Manap 1 Disember 2014).

Solekan pelakon wanita kebanyakannya adalah tidak berlebihan kerana watak wanita seperti Balqis hanya mengenakan celak pada mata sahaja. Bagi solekan pula Boon (2014) memberikan ulasan mengenai solekan kepada pelakon lelaki dan wanita serta celak yang dikenakan kepada Balqis adalah untuk menghidupkan watak Balqis tersebut disebabkan ekspresi wajahnya yang diselindungi melalui purdah tersebut.

Untuk lelaki saya rasa biasa la. Untuk perempuan saya rasa *quite naked* la sebab saya nak *naked*, cuma saya nak kuatkan solekan pada mata, jadi saya nak kuatkan pada mata, jadi saya letak celak. Sebab pada Balqis, nak kuatkan lakonan dia sebab itu sahaja tempat nak *deliver* mesej (Yu Chee Boon 3 Disember 2014).

Manakala pendapat daripada pelakon cerita ini, Mardiana Alwi mengatakan bahawa busana yang dipakaikan oleh semua pelakon menutup aurat dan kerjasama yang diberikan oleh kru dan pelakon sangat baik terutama tentang kemusykilan mengenai agama dalam sesebuah lakonan itu.

Busana yang menutup aurat seperti memakai sarung tangan (handsocks), memakai stokin, tudung yang labuh dan baju yang longgar. Solekan pula memang sudah sedia maklum sangat natural. Dan lakonan antara hubungan watak lelaki dan perempuan mempunyai batas. Pertama kali saya bergandingan dengan Heliza Helmi, Imam Muda Nazrul dan para pelakon lain, Alhamdulillah semuanya saling membantu dan saling ingat mengingatkan. Apatah lagi pelakon utama lelaki nya adalah IM Nazrul, jadi segala kekeliruan dan kemusykilan dalam sesuatu perkara, kami terus ajukan kepada beliau, juga kepada Abang Mior selaku pengarah (Mardiana Alwi, Temu bual 11 Disember 2014).

Busana dan Solekan dalam drama Cinta dan Wahyu

Drama *Cinta dan Wahyu* pula memaparkan pakaian pelakon lelaki yang bersesuaian dengan babak yang dipaparkan dan menutup aurat. Pakaian lelaki berjubah dan berserban ditunjukkan terutama ketika ingin menunaikan solat. Contohnya apabila menunaikan solat di masjid, Amir akan memakai jubah dan serban seperti pada episod 3 tetapi ketika Amir ingin melakukan aktiviti senaman, dia akan memakai kemeja dan seluar sukan yang panjang seperti episod 2 dan 3.

Rahim pula lebih kepada pemakaian baju Melayu putih dan kain pelekat serta serban untuk menunjukkan perwatakan pelajar pondok yang hadir ke pengajian seperti episod 2 ataupun ketika dia berjalan di sekitar bandar seperti episod 1 hingga 4, manakala Bakar yang merupakan pengusaha makanan sunnah sebelum belajar di pondok hanya memakai kemeja dan seluar kasual sahaja iaitu dari episod 1 hingga 8. Namun, selepas menghadiri kelas pondok, dia mengenakan baju Melayu dan



GAMBAR 6 Antara busana yang dipakai oleh pelakon lelaki (ep. 4)

serban selepas episod ke 8, walaupun ke tempat kerja seperti Mior menunjukkan penghijrahan yang berlaku dalam diri Bakar. Gambar 6 menunjukkan tiga jenis pakaian lelaki yang sesuai dengan watak dan tuntutan Islam iaitu pakaian kasual, baju Raihan berkain pelekat serta baju Melayu.

Watak wanita dalam drama ini pula dipakaikan dengan baju kurung, tudung yang labuh dan sarung tangan untuk menutup aurat. Pelakon tambahan dalam drama ini walaupun bekerja di perusahaan keropok, tetapi dipakaikan sarung tangan ketika bekerja. Mior berusaha mengelakkan tangan pelakon daripada tersingkap lengan baju dan menampakkan aurat. Watak utama wanita iaitu Balqis pula mengenakan pakaian gelap seperti warna hitam disesuaikan dengan watak. Jika Balqis bersama sahabat wanita dan anak-anak yatim, Balqis akan membuka purdah seperti pada episod 5. Balqis juga turut memakai sarung tangan. Cuma pada akhir episod sahaja, ketika babak majlis nikah Amir dan Balqis, Balqis dipakaikan dengan pakaian berwarna putih.

Watak Amelia yang merupakan pelajar doktor pergigian ketika menuntut di USM, disesuaikan dengan baju kurung dan tudung labuh serta kot putih seperti episod 8. Manakala selepas Amelia belajar di pondok, selain daripada memakai tudung dan jubah, dia turut memakai purdah dalam episod 11 dan 12. Begitu juga dengan pelajar wanita di pondok mereka memakai tudung labuh dan baju kurung dan ada yang berpurdah. Solekan bagi semua pelakon juga adalah tidak berlebihan. Gambar 7 menunjukkan beberapa jenis pakaian wanita yang sesuai dengan watak dan tuntutan Islam iaitu baju kurung, jubah, tudung labuh, stokin tangan dan sarung tangan.



GAMBAR 7 Antara busana yang dipakai oleh pelakon wanita (ep.7)

Pemilihan busana watak wanita dan lelaki dalam drama ini, mempunyai tujuan tertentu terutama apabila berlakunya perubahan misalnya babak Amir yang berjubah di rumah tetapi akan memakai kemeja dan kot ketika di pejabat (Yu Chee Boon 2014). Pemilihan Busana bagi watak wanita semuanya dikawal agar menutup aurat termasuklah pelakon tambahan.

Untuk watak Amir, kat sini dia akan ada walaupun dia seorang, memang *background* dia seorang Islamik yang kuat, kalau kat pejabat taknak nampak dia berjubah baju melayu, nampak sangat dia ustaz. Jadi saya cuba bermain la tukarkan kopiah kepada songkok, sebab dia sebagai orang Malaysia, macam manusia biasa. Sebab ramai la, ramai yang jurang antara ustaz dan orang ramai, jadi saya cuba nak dekatkan jurang ni.

Memang pelakon tambahan seperti pekerja kita cari, di lokasi, semualah yang masuk dalam cerita kita orang, saya kawal ketat. Saya dah pesan dengan *wardrobe* saya terutama aurat memang semua kena tutup.

Watak Balqis memang kehendak En Mior untuk dia hitam sepanjang masa cuma waktu dia kahwin, itu idea saya, masa saya nak *colour* yang lain tapi tidak menonjol, warna *silver* macam tu sebab saya nak tunjuk dari *single* kepada berkahwin (Yu Chee Boon 3 Disember 2014).

Manakala Mior menceritakan tujuan utama mengapa Balqis dipakaikan dengan pakaian hitam atau gelap adalah simbol kepada akhlak dan kesederhanaan watak Muslimah yang dimainkan oleh Balqis dan akhirnya kerana sifat zuhudnya itu, dia disatukan dengan lelaki yang baik akhlaknya iaitu Amir Mukhlis.

Saya nak tunjukkan bahawa satu-satu watak dalam drama ini, dia tak ghairah dengan dunia, biar dia seorang sahaja yang gelap, tidak ada tarikan dari segi

pemakaian. Mungkin tarikan dari segi akhlak. Jadi bila dia kahwin tu bagi saya dia nak menunjukkan hari kemenangan dia. Walaupun dia berpakaian suram begitu, ada orang terikat. Tak perlu kita bergaya. Kita dengan suram begitu, kita kekalkan dengan akhlak dan akhirnya ada orang yang nak meminang kita dan ustaz pula tu. Bukankah ia satu kemenangan tu? (Mior Hashim Manap 1 Disember 2014).

Cabaran Visual Busana dan Solekan bagi Drama Islamik Patuh Syariah

Mengarah drama Islamik yang mematuhi syariah dan menyampaikan dakwah terutama dari segi visual busana dan solekan bukanlah perkara yang mudah. Maka dengan kesedaran dan niat untuk menyampaikan drama yang berdakwah dan mematuhi syariah, Mior akan merujuk kepada agamawan seperti para ustaz mengenai hokum-hakam agar apa yang diterjemahkan ke dalam layar televisyen tidak bertentangan dengan agama Islam.

Kerana itu, kalau saya buat cerita ini saya rujuk ustaz-ustaz bila berlaku keadaan yang tidak mengizinkan dalam patuh syariah. Contohnya tutup aurat, dalam peringkat ini ustaz akan jelaskan ini hukumnya, kalau hukum ini tidak dapat penuhi ambil dalil kedua, kalau hukum ini tidak dapat, ambil dalil yang lemah, tapi tidak galakkan. (Mior Hashim Manap, Temu bual, 1 Disember 2014).

Pengalaman ini dikongsikan oleh Aisyah Razi (2014) apabila menyaksikan ketegasan Mior dalam memimpin krunya untuk berusaha memastikan drama ini mematuhi syariah. Yu Chee Boon turut memberi pendapat bahawa drama yang mengangkat tema Islamik harus mengikut pembawak Islam yang sebenar. Ia untuk mengambil peluang menyampaikan mesej kepada seluruh masyarakat dan bukan mendatangkan kekeliruan mengenai agama Islam.

Saya sendiri merasai dan nampak bagaimana penata busana ni *argue* dan bercanggah pendapat dengan Mior dan penulis skrip itu sendiri. Sebab pemahaman dia selama ni berbeza sebab selama ni dia menjaga busana untuk bukan drama Islamik. Jadi kalau dia kata dia nak dia nak la, lantak la kalau orang busana tu marah kat belakang ke apa kan (Aisyah Razi 10 Disember 2014).

Bagi saya, sepatutnya benda ini sepatutnya lah. Sebab media ini boleh pergi kepada ramai orang, media ini boleh *deliver* mesej kepada semua orang dari kecil sampai besar. Jadi bila nak buat cerita pasal Islam, buatlah *proper*, buatlah betul-betul, jangan buat Islam ini Islam macam-tulah. Bagi sayalah memang betul apa yang Mior buat tu (Yu Chee Boon 3 Disember 2014).

Cabaran ini turut dikongsikan oleh Ustaz Ubai selaku penulis skrip drama ini apabila beliau berpendapat Mior telah memberikan komitmen yang baik dalam memastikan drama-drama ini mematuhi syariah namun, tidak semua perkara dapat direalisasikan dengan sempurna disebabkan kekangan luaran. Beliau berpendapat untuk menjayakan drama Islamik, bukan sahaja memerlukan pengarah yang bagus dan bersemangat dalam menerbitkan drama Islamik tetapi haruslah mendapat kerjasama daripada setiap kru dan kumpulan yang bagus.

Saya akui ia suatu usaha yang sangat baik. Saya tidak nafikan bahawa terdapat banyak kekangan dan kesukaran dari segi *wardrobe*, pemilihan pelakon dan juga proses menyiapkan skrip. Namun, sepanjang yang saya perhatikan En Mior memang berusaha keras untuk memastikan drama itu sepenuhnya islamik dan patuh syariah. Saya kira, dari aspek ini saya amat berpuas hati (Ubaidillah Alias 11 Disember 2014).

Mior turut berpendapat bahawa seharusnya dalam menghadapi cabaran untuk kembali kepada fitrah Islam yang sedia ada, pekerja produksi, pelakon, stesen ataupun penonton, seharusnya perlu berani dalam menegakkan syiar Islam dan ia bukan penghalang untuk berkreativiti.

Apapun patuh syariah kita tak perlu takut, sepatutnya kita ke arah itu. Kita tak boleh kata juga patuh syariah tu sebagai penghalang kepada pembikin sedangkan itulah sebenarnya sedang memurnikan kita ke arah patuh syariah. Harapan supaya kita lakukan kita dapat cuci ksilapan. Kita tak boleh pandang serong pada patuh syariah (Mior Hashim Manap 1 Disember 2014).

Sehubungan dengan itu, motif utama visual Mior dalam ketiga-tiga drama ini dikenal pasti melalui ketegasan Mior untuk penjagaan aurat pelakon ketika berlakon yang menyokong ciri dakwah dan patuh syariah. Motif Mior ini juga terserlah melalui cabaran yang dihadapi apabila dia perlu memastikan drama ini mematuhi syariah tetapi pada masa yang sama kekurangan pemahaman oleh kru dan pelakon mengenai kepentingan patuh syariah ini juga boleh mengakibatkan usaha Mior untuk mematuhi syariah tersebut mempunyai kekurangan. Hal ini terungkap dalam analisis kandungan yang menemui ciri tidak mematuhi syariah dari aspek pemakaian pelakon tambahan wanita kerana menampakkan aurat wanita iaitu lengan seperti dalam drama *Cinta Kun Fayakun* dan *Warkah Cinta*. Tetapi, menurut Mior, cabaran itu sebenarnya sudah pun diatasi oleh beliau dengan menjelaskan kepada pelakon dan kru agar mematuhi syariah Islam dan jika ada hukum yang tidak dipatuhi oleh kru dan Mior terlepas pandang, sekurang-kurangnya Mior sudah menjalankan tanggungjawab dengan memberitahu kepada mereka. Beliau amat tegas menginginkan drama Islamik yang mematuhi syariah. Hal ini juga disokong dengan kenyataan daripada Dr. Mohd Mustaffa bahawa pengalaman itu boleh

dijadikan sebagai proses pembelajaran untuk Mior memberi penambahbaikan dalam penerbitan drama Islamiknya sehingga ia mematuhi syariah yang sebenar.

Perkara ini dibuktikan melalui analisis drama *Cinta dan Wahyu*, keseluruhan watak wanita sama ada utama atau tambahan termasuklah mereka yang bekerja di perusahaan keropok untuk memenuhi *frame* dilihat memelihara auratnya melalui pemakaian sarung tangan. Hal ini menunjukkan Mior peka terhadap kelemahan dan hukum yang beliau terlepas pandang dalam dua drama arahnya sebelum itu. Hal ini juga membuktikan Mior memandang serius terhadap motif kepentingan menutup aurat yang ingin disampaikan melalui dramanya dan juga perasaan amanahnya sebagai hamba Allah. Selain itu, drama ini juga lambang penceritaan rentetan kehidupan bagaimana Mior yang bukan seorang agamawan tetapi kerana keinginan beliau untuk menghasilkan drama Islamik, berusaha untuk memastikan drama Islamiknya mematuhi syariah. Kesilapan tersebut sebenarnya mengajar beliau untuk lebih peka terhadap kepentingan menjaga hukum hakam terhadap peraturan Islam ini dan proses pembelajaran. Perkara tersebut dapat dilihat melalui ketiga-tiga drama ini yang semakin bertambah baik dalam usaha mematuhi syariah terutamanya mengenai aurat wanita yang menjadi motif utama pengarahnya.

KESIMPULAN

Walaupun mengalami pelbagai cabaran seperti perbezaan mentaliti kru yang terlibat, kehendak stesen, pemikiran dan mentaliti masyarakat yang menganggap patuh syariah ini seolah-olah adalah baharu, namun Mior berusaha untuk meneruskan jalan dakwahnya secara perlahan-lahan kerana prinsipnya jika seseorang itu membuat sesuatu kerana agama Islam dia akan mendapat kejayaan di dunia dan akhirat. Bekerjasama dengan agamawan adalah perkara yang penting baginya dalam menentukan hokum-hakam bagi penyampaian visual dalam sesebuah drama. Hal ini adalah kerana falsafah hidupnya yang ingin diterangkan kepada semua pengamal media dalam industri seni termasuklah stesen, pelakon ataupun masyarakat sendiri. Jika kejayaan itu tidak diperolehi di dunia seperti pangkat, nama, atau keuntungan tetapi kejayaan di akhirat sedang menanti lantaran usaha dakwah yang dijalankan kerana Allah. Kesimpulannya untuk menghasilkan drama Islamik patuh syariah, busana dan solekan adalah antara elemen fizikal yang perlu dititikberatkan oleh pengarah dan kru drama selain daripada mesej dan jalan cerita dakwah agar mematuhi syarak. Tuntutan ini boleh direalisasikan sekiranya terdapat kerjasama daripada pihak agamawan dan pengkarya seni dalam menterjemahkan mesej dakwah melalui drama seiring dengan motif dalaman pengarah yang bersandar kepada tanggungjawab sebagai hamba Allah SWT.

RUJUKAN

- Abdul Basit Samat@Darawi, Akmaliza Abdullahii, Adibah Muhtar, Abd. Rahman Hj. Hamzah, Azahar Yaakub @ Ariffin & Norhafizah Musa. 2017. Islamic arts in the civilization heritage. *al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies* 8(3): 1-12.
- Ahmad Shahrom Zamri, Nor Raudah Hj Siren, Muhammed Yusoff. 2015. Dakwah melalui web TV: kajian terhadap pendekatan inovatif di Jakim. TV. Dlm. *Isu-isu Semasa Media dan Dakwah*, Yusmini Md Yusoff (pnyt.), hlm. 1-20. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, UM.
- Ahmad Ubaidillah Alias. 2014. Pengalaman penulis skrip drama Islamik arahan Mior Hashim Manap. Temu bual melalui e-mel, 11 Disember.
- Aisyah Razi. 2014. Pengalaman kru drama Islamik arahan Mior Hashim Manap. Ampang. Temu bual, 10 Disember.
- al-Jauzi, Abul Faraj Abdurrahman. 2010. *Shaid Al Khatir: Nasihat bijak Penyegar Iman*. Terj. Abdul Majid. Yogyakarta: Darul Uswah.
- Aminudin Basir @ Ahmad, Mohamad Sabri Haron & Nik Yusri Musa. 2009. Kebebasan media komunikasi menurut perspektif Islam. *Jurnal Hadhari* 1(2): 65-82.
- Hamzah Ismail. 1996. Sandiwara sebagai genre drama moden Malaysia. Tesis Sarjana Sastera Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hajar Opir, Mohammed Yusof, Luqman Abdullah, Norrodzoh Siren, Yusmini Md Yusoff & Wan Yusnee Abdullah. 2017. Pembinaan Kriteria Filem Patuh Syariah di Malaysia. *AL-'ABQARI: Journal of Islamic Social Sciences and Humanities* 12: 71-91.
- Jasser Auda. 2014. *Mudahnya Maqasid Syariah*. Terj. Marwan Bukhari. Batu Caves: PTS Islamika Sdn Bhd.
- Mardiana Alwi. 2014. Pengalaman Pelakon drama Islamik arahan Mior Hashim Manap. Temu bual melalui e-mel, 11 Disember.
- Marina Munira Mutalib, Suhailiza Md. Hamdani, Khatijah Othman & Roslizawati Mohd Ramli. 2011. Tugas dan tanggungjawab media dalam pembangunan insan. Dlm. *Representasi Islam Dalam Media*, disunting Muhamad Zaki Mustafa, Ainurliza Mat Rahim, Zainol Abidin Ahmad & Noor Adzrah Ramle, hlm.41-52. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mana Sikana. 2006. *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pasca Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. 1985. *Mendekati Drama*. Subang Jaya: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.
- Mior Hashim Manap. *Cinta Kun Fayakun*. 2013a. Telefilem. Kuala Lumpur: Alkahfi Pictures Sdn. Bhd.
- Mior Hashim Manap. *Cinta dan Wahyu*. 2013b. Drama bersiri. Kuala Lumpur: Alkahfi Pictures Sdn. Bhd.

- Mior Hashim Manap. *Warkah Cinta*. 2012. Drama bersiri. Kuala Lumpur: Alkahfi Pictures Sdn Bhd.
- Mior Hashim Manap. 2014. Pengarah Drama Islamik. Kuala Lumpur. Temu bual, 1 Disember.
- Mohamad Sabri Haron. 2009. Konsep dan falsafah Islam dalam media. Dlm *Komunikasi di Malaysia: Satu Penelitian Awal Pendekatan Islam Hadhari*, disunting oleh Mohd Safar Hashim dan Zulkiple Abd Ghani. Bangi: Institut Islam Hadhari.
- Mohd Safar Hashim. 2009. Islam sebagai asas falsafah komunikasi. Dlm. *Komunikasi di Malaysia: Suatu Penelitian Awal Pendekatan Islam Hadhari*, disunting oleh Mohd Safar Hashim & Zulkiple Abd. Ghani, hlm. 21-34. Bangi: UKM.
- Mohd Mustaffa Jusoh. 2014. Patuh syariah dalam drama Islamik. Bangi. Temu bual, 23 Disember.
- N.M.A. Quraishi. 2003. Menganalisis sebuah filem. Dlm. *Sinema dan Penontonan di Malaysia*, disunting oleh Ramli Mohamed, hlm. 1-14. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Nor Hizwani Ahmad Thohir, Nor Raudah Hj. Siren & Munirah Abd Razzak. 2015. Unsur Dakwah dalam Matahari Terbit Lagi. Dlm. *Isu-isu Semasa Media dan Dakwah*, disunting oleh Yusmini Md Yusoff. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Rosmawati Mohamad Rasit & Azimah Misrom. 2016. Analisis elemen patuh syariah dalam filem Nur Kasih the Movie (2011) berdasarkan teori filem ar-Risalah. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 32(1).
- Said Halim Said Nong. 1988. *Drama Melayu Televisyen Malaysia: Satu Penilaian Perkembangan dan Peranan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Saparmam Bakri. 1982. *Alam Teater*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Schreibman, M.A. 2006. *The Film Director Prepares*. New York: Watson-Guption.
- Siti Rugayah Tibek. 2000. Peranan drama dalam dakwah: Kajian drama dakwah TV1 dan TV3. Tesis Kedoktoran. Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan. Universiti Malaya.
- Siti Rugayah Tibek, Jawiah Dakir, Zamri Ariffin, Fariza Md. Sham, Wan Fariza Alyati Wan Zakaria, Abdul Ghafar Don, Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Salasiah Hanin Hamjah, Badlihisam Mohd. Nasir, Muhammad Faisal Asha'ari, Zainab Ismail, Ideris Endot, Anuar Puteh, A'dawiyah Ismail, Mohd Zulkipli Abd Ghani. 2012. The islamic value in Malaysian television drama on channel 1. *Advances in Natural & Applied Sciences* 6(4): 552-560.
- Widjajanti M Santoso. 2017. The anti corruption issue and the changing social relationship in K drama, Indonesian perspectives. *JATI-Journal of Southeast Asian Studies* 22 (1): 187-203.
- Yu Chee Boon. 2014. Pengalaman kru drama Islamik arahan Mior Hashim Manap. Kuala Lumpur. Temu bual, 3 Disember.